



## KETUA PENGARAH KERJA RAYA

*DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS*

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 22 ( | )  
Tarikh : 12 Januari 2021

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR  
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri  
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan  
Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan  
Pengarah JKR KESEDAR  
Pengarah JKR KETENGAH  
Semua Jurutera Daerah

### SURAT ARAHAN KPKR BIL. 1/2021

#### ARAHAN PENGGUNAAN JKR STANDARD 2020 *ENVIRONMENTAL PROTECTION AND ENHANCEMENT WORKS FOR PROJECTS* BAGI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN OLEH JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Arahan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan Arahan penggunaan JKR Standard 2020 – *Environmental Protection and Enhancement Works for Projects* bagi projek pembangunan merangkumi infrastruktur dan bangunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

1/5

#### Jabatan Kerja Raya Malaysia

*Public Works Department Malaysia*


Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>




CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03597



CERTIFIED TO ISO 14001:2015  
CERT. NO.: EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018  
CERT. NO.: OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018  
CERT. NO.: EnMS 00111

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Secara umumnya, sebelum JKR Standard 2020 ini di bangunkan, Arahan Teknik (Jalan) 16/03 (Pindaan 2015) – *A Guide For Environmental Protection & Enhancement Works* telah dijadikan sebagai panduan, rujukan, diguna pakai dan dipraktik serta secara menyeluruh berkaitan skop kerja perlindungan alam sekitar bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur serta bangunan oleh JKR Malaysia.
- 2.2 Selaras dan merujuk kepada kehendak terkini maka, terdapat keperluan untuk menambah baik Arahan Teknik ini seperti berikut :-
- a) Menghasilkan satu dokumen rujukan secara menyeluruh bagi skop pengurusan alam sekitar yang merangkumi fasa perancangan, reka bentuk, perolehan dan pembinaan melibatkan pelaksanaan projek infrastruktur dan bangunan.
  - b) Mengambil kira semua keperluan semasa dari segi perundangan, dasar, polisi dan teknikal yang telah ditetapkan oleh pihak berkepentingan serta agensi teknikal luaran untuk skop pengurusan alam sekitar projek meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
  - c) Menyediakan panduan bergambar dan lukisan piawai bagi mempraktikkan amalan pengurusan terbaik alam sekitar berdasarkan keperluan teknikal terkini dan pengalaman yang lepas.

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 22 ( 1 )  
Tarikh : 12 Januari 2021

2.3 Sejalan dengan kehendak tersebut di atas maka, JKR Standard 2020 – *Environmental Protection and Enhancement Works for Projects* telah dibangunkan untuk memberi pendedahan, panduan dan rujukan yang komprehensif kepada penggiat industri pembinaan Negara ini khususnya di JKR Malaysia berkaitan pelaksanaan skop kerja perlindungan alam sekitar terutama dalam mengurus, mempraktikkan serta mengapikasi terhadap pelaksanaan projek infrastruktur dan bangunan.

### 3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Dengan Surat Arahan ini, JKR Standard 2020 – *Environmental Protection and Enhancement Works for Projects* perlu dijadikan rujukan tambahan selain dari Arahan-Arahan Teknik (Jalan) dan Garis Panduan yang telah sedia ada dalam pengurusan alam sekitar untuk pelaksanaan projek infrastruktur dan bangunan yang baharu atau projek naik taraf bagi memastikan kawalan terhadap aspek dan impak alam sekeliling di tapak projek dapat di optimumkan selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara yang memberi penekanan terhadap alam sekeliling yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

3.2 Jika sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, pertanyaan dan info lanjut berkaitan JKR Standard 2020 ini, sila hubungi Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CASKT) di talian 03-4051 8434 / 8418.


Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 22 ( 1 )  
Tarikh : 12 Januari 2021

#### 4.0 KUAT KUASA

4.1 Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN)

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 22 ( I )  
Tarikh : 12 Januari 2021

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat